

PROSES PENAMBAHBAIKAN PENYEDIAAN LAPORAN AKTIVITI

**KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG
MELAKA**



KKBBM 1

KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG MELAKA



**PROSES PENAMBAHBAIKAN PENYEDIAAN LAPORAN AKTIVITI KOLEJ
KOMUNITI BUKIT BERUANG MELAKA**

**KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG, MELAKA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Terbitan Edisi 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Bukit Beruang, Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh :

Unit Penyelidikan Inovasi dan Komersialan
Kolej Komuniti Bukit Beruang
23, Jalan Bukit Beruang Indah 1,
Taman Bukit Beruang Indah,
75450 Bukit Beruang, Melaka.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan dalam-Penerbitan

Tuty Farhida Binti Sajat

Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti : KOLEJ KOMUNITI
BUKIT BERUANG, MELAKA / Penulis: Puan Tuty Farhida Binti Sajat.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-16553-6-8

1. Kolej Komuniti Bukit Beruang.
2. Education, Higher--Activity programs--Malaysia--Bukit Beruang (Melaka).
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

I. Judul.

658.404

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kolej Komuniti Bukit Beruang, Kumpulan KKBBM 1 yang telah berjaya menerbitkan buku Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada jawatankuasa penerbitan Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka terutama sekali En. Jamalluddin bin Mohd Ali selaku Pengerusi jawatankuasa penerbitan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka terutama sekali kepada En. Muhammad Sani Bin Che Idris, Pengarah Kolej Komuniti Bukit Beruang di atas segala sokongan yang diberikan kepada kumpulan KKBBM 1 dalam menghasilkan buku Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Ts. Dr. Siti Mahfuzah binti Mohamad selaku panelpenilai dan pengesah yang menilai dan mengesahkan eSLA: Sistem Pengurusan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka sedia digunakan oleh semua pegawai yang terlibat.

Akhir kata, jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek inovasi sistem eSLA ini.

Sekian, terima kasih.

PRAKATA

Sistem eSLA atau Sistem Pengurusan Aktiviti telah dibangunkan untuk melancarkan tadbir urus serta menambah baik kecekapan dalam pengurusan, penyediaan dan pemantauan laporan aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Reka bentuk eSLA dibahagikan kepada 3 fungsi iaitu pelaporan, pemantauan dan analisis. Sistem eSLA boleh dicapai melalui komputer dan telefon pintar. Buku Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka ini merupakan rangkuman terhadap proses penambahbaikan yang dibuat terhadap penyediaan laporan aktiviti KKBBM. Buku ini menjelaskan tentang signifikan dan pembuktian keperluan penambahbaikan terhadap proses penyediaan laporan aktiviti sedia ada di KKBBM. Selain itu, buku ini turut menerangkan tindakan penyelesaian melalui strategi penyelesaian kreatif dan pembinaan cadangan penyelesaian prototaip sehingga inovasi berjaya dilaksanakan. Keberhasilan dan potensi pengembangan projek sistem eSLA turut dikupas secara terperinci di dalam buku ini. Oleh itu, diharapkan dengan penerbitan buku ini dapat memberi gambaran jelas tentang proses penambahbaikan penyediaan laporan aktiviti melalui pendekatan *Lean Management* dan juga *Design Thinking*.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kumpulan KKBBM1 telah memilih projek inovasi penyampaian perkhidmatan di bawah kategori penambahbaikan. Projek yang dilaksanakan adalah proses penambahbaikan penyediaan laporan aktiviti KKBBM. Projek ini menggunakan tool Lean Management iaitu Value Stream Mapping (VSM), KAIZEN, PDCA dan 8 Lean Waste. Laporan aktiviti kolej merupakan KPI institusi yang dilaporkan pada Sistem PERSIST. Selaras dengan Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) bagi skop Tadbir Urus Institusi dan Penaziran Akademik PENA. Namun demikian, kerosakan server mengakibatkan maklumat yang disimpan hilang dan kesukaran bagi mengumpulkan maklumat aktiviti yang dijalankan oleh program atau unit menyebabkan penghantaran laporan aktiviti tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini adalah kerana laporan aktiviti sedia ada tidak mempunyai format yang seragam. Berdasarkan VSM (Value Stream Mapping) analisis nilai sebelum terdapat 6 proses kerja yang melibatkan 12 sub proses yang terlibat iaitu 7 value added, 2 Business Value Added dan 3 Non Value Added dengan jumlah masa menunggu sebanyak 347,400 saat. Penggunaan alat pengukuran Lean iaitu KAIZEN melalui kaedah ECRS (Eliminate, Combine, Rearrange, Simplify) di mana 4 proses kerja telah dihapuskan. VSM selepas (After VSM) yang diperolehi mendapati hanya 2 proses kerja iaitu melibatkan 3 sub proses dengan jumlah menunggu sebanyak 0 saat. Cadangan penyelesaian kepada permasalahan tersebut menggunakan teknologi 4IR iaitu diwujudkan sistem berasaskan atas talian yang dikenali sebagai eSLA (Sistem Pengurusan Aktiviti). Rekabentuk eSLA dibahagikan kepada 3 fungsi iaitu pelaporan, pemantauan dan analisis. Sistem eSLA adalah Portal Sistem Pengurusan Aktiviti yang dibangunkan secara atas talian menggunakan perisian seperti Google Data Studio, Google Sites, Google Doc, Google Form dan Google Sheets dengan sokongan tambahan (add-ons) seperti Autocrat, Document Studio dan notifikasi ke Telegram. Pegawai boleh menghantar laporan aktiviti secara real time. Data akan disimpan di dalam storan maya iaitu drive gmail dan OneDrive Microsoft Office 365 dan dapat dipapar secara real time. output atau pemberian pelaporan secara automatik terus kepada email dan notifikasi telegram kepada pihak pengurusan tertinggi bagi pemantauan dan pengesahkan aktiviti. Sistem ini dipilih berdasarkan faktor kos yang rendah, mudah difahami dan ianya stabil digunakan selari dengan teknologi 4IR. eSLA merupakan sistem mesra pengguna yang boleh dicapai melalui 2 kaedah iaitu menggunakan aplikasi eSLA dan aplikasi Thunkable sebagai aplikasi pada telefon pintar serta Apps MyLink dengan pengimbas QR Code bagi capaian pada komputer dan telefon pintar. Sistem ini juga telah berjaya mencapai sasaran projek iaitu sebanyak 99.79% penjimatan masa dengan RM36,270.00 setahun. Penggunaan Sistem eSLA ini, secara keseluruhannya telah berjaya menghasilkan mutu kerja yang lebih berkualiti dan tahap fokus pegawai yang lebih efisien dalam menghantar laporan aktiviti yang dilaksanakan mengikut perancangan. Pihak pengurusan pula memanfaatkan sistem eSLA ini dalam pemantauan aktiviti yang dirancang berdasarkan takwim institusi selaras dengan Fokus Strategik Kelima iaitu Mempersada Kecemerlangan Institusi. Ia juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Lonjakan 6: Pemantapan Tadbir Urus dan Teras 2, Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK). Hala tuju yang begitu positif dalam penggunaan Sistem eSLA ini, memberi harapan besar kepada Kumpulan KKBBM1 untuk pemantapan pengurusan melalui penambahbaikan berterusan dari aspek kualiti penyampaian, produktiviti dan kecekapan serta mematuhi peraturan dan arahan yang sedang berkuat kuasa

KATA ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayahNya kita diberi kekuatan untuk terus berdiri teguh dan melangkah dengan gagah bagi merealisasikan visi JPPKK iaitu “Menjadi Peneraju Institusi TVET Unggul”. Sekalung syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan KKBBM1 yang telah berjaya menghasilkan Buku Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka dalam tempoh masa yang ditetapkan serta telah memberikan komitmen yang padu dan sepenuhnya dalam menjayakan penulisan buku ini.

Diharapkan dengan penerbitan buku ini dapat memberi gambaran jelas tentang proses penambahbaikan penyediaan laporan aktiviti melalui pendekatan *Lean Management*. Semoga Buku Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pembaca dan turut dijadikan sebagai sumber rujukan.

Sekian, terima kasih.

Encik Jamalluddin Bin Mohd Ali

Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan

Proses Penambahbaikan Penyediaan Laporan Aktiviti Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

JAWATANKUASA SIDANG REDAKSI

Pengerusi

Encik Jamalluddin Bin Mohd Ali

Fasilitator

Ts. Encik Mohd Jalil Bin Ahmad

Ketua Ahli Sidang Redaksi

Puan Tuty Farhida Binti Sajat

Penulis

1.0 Penglibatan Pihak Pengurusan

Puan Tuty Farhida Binti Sajat

4.0 Keberhasilan Projek

Puan Nazelira Binti A Rahim

2.0 Signifikan Projek Dan Pembuktian

Puan Tuty Farhida Binti Sajat

5.0 Potensi Pengembangan Inovasi

Puan Norhayati Binti Ali

3.0 Tindakan Penyelesaian (Ideate)

Puan Tuty Farhida Binti Sajat

Rujukan & Lampiran

Puan Nurul Farhana Binti Othman

Editor

Puan Tan Pey Pey

Puan Nurul Farhana Binti Othman

Ahli Jawatankuasa

Puan Norhayati Binti Ali

Puan Nurul Farhana Binti Othman

Puan Tan Pey Pey

Encik Haslan Bin Azis

Encik Mohd Shafiee Bin Samuri

Encik Budi Irwan Bin Jahaya

Puan Nazelira Binti A Rahim

Pereka Kulit Buku

Puan Nurul Farhana Binti Othman

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	Penghargaan	i
	Ringkasan Eksekutif	ii
	Isi Kandungan	iii
	Daftar Singkatan	v
	Daftar Rajah	vi
	Daftar Lampiran	viii
1.0	PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN	1
2.0	SIGNIFIKAN PROJEK DAN PEMBUKTIAN	2
	2.1 Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan	2
	2.2 Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pihak Berkepentingan	2
	2.3 Kaitan Dengan Agenda Nasional	3
	2.4 Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa	3
	2.5 Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis	3
	2.5.1 Pemilihan Projek (Empathy)	3
	2.5.2 Menjelaskan Masalah (Define)	4
	2.6 Penyataan Sasaran Outcome Dan Impak	5
3.0	TINDAKAN PENYELESAIAN (IDEATE)	6
	3.1 Strategi Penyelesaian Kreatif	6
	3.2 Pembinaan Cadangan Penyelesaian Prototaip	8
	3.2.1 Penyelesaian Prototaip	8
	3.2.2 Carta alir Prototaip	8
	3.2.3 Penghasilan Rekabentuk	8
	3.2.4 Menganalisa Inovasi	12
	3.3 Perakuan daripada pihak bertauliah	12
	3.4 Pelaksanaan Inovasi	12

BAB	PERKARA	HALAMAN
4.0	KEBERHASILAN PROJEK	13
4.1	Pencapaian Outcome Projek Kepada Organisasi	13
4.1.1	Penjimatan Kos Perkakasan	13
4.1.2	Penjimatan Masa Proses Kerja	13
4.1.3	Peningkatan Kepuasan Pelanggan	13
4.1.4	Peningkatan produktiviti	14
4.1.5	Peningkatan Imej Organisasi	14
4.1.6	Faedah Sampingan	14
4.2	Impak Projek	14
4.2.1	Faedah sampingan (luar jangka)	15
5.0	POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI	15
5.1	Tahap Ketersediaan Teknologi	15
5.2	Tahap Replikasi Atau Pengkomersialan	15
	RUJUKAN	
	LAMPIRAN	

DAFTAR SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD SINGKATAN
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
KKBBM	Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka
PSPSA	Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam
eSLA	Sistem Pengurusan Aktiviti
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPI	<i>Key Performance Indicator</i> (Petunjuk Prestasi Utama)
4IR	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat
BDR	Bekerja Daripada Rumah
5W1H	Singkatan dari <i>Who, What, When, Where, Why, How</i>
VSM	<i>Value Stream Mapping</i>
PE	<i>Process Efficiency</i>
VA	<i>Value Added</i>
BVA	<i>Bussines Value Added</i>
NVA	<i>Non Value Added</i>
ECRS	Singkatan dari <i>Eliminate, Combine, Rearrange, and Simplify</i>
SMART	Singkatan dari <i>Specific, Measurable, Achivable, Relevant, Time Bound</i>
SCAMPER	Singkatan dari <i>Substitute, Combine, Adapt, Modify, Put in other use, Eliminate, Rearrange.</i>
MS ISO	<i>Malaysian Standard International Standard Organization</i>
APK	<i>Android Package Kit</i>
SWOT	Singkatan dari <i>Strengths, Weakness, Opportunities, Threats</i>
MYREN	<i>Malaysian Research and Education Network</i>
MyDIGITAL	Blueprint Ekonomi Digital Malaysia
MyIPO	Perbadanan Harta Intelek Malaysia

DAFTAR RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 01	Pengurusan Tertinggi KKBBM	1
Rajah 02	Petikan Ucapan Pengarah KKBBM Majlis Perjumpaan Staf KKBBM Bil 1/2021 Pada 29 Januari 2021	1
Rajah 03	Surat Iantikan AJK KIK	1
Rajah 04	Surat Kelulusan Menjalankan Projek Inovasi	1
Rajah 05	Visi & Misi Jabatan	2
Rajah 06	Pelan Tindakan KKBBM 2021-2025	2
Rajah 07	Teras 2 Objektif Strategi A, Inisiatif A4 dan Inisiatif A5	2
Rajah 08	Pelan Strategik JPPKK 2018 – 2025	2
Rajah 09	KPI 2021 JPPKK	2
Rajah 10	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara	3
Rajah 11	Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025	3
Rajah 12	Covid-19	3
Rajah 13	Dasar Bekerja Daripada Rumah (BDR)	3
Rajah 14	Minit Mesyuarat	3
Rajah 15	Analisis 5W1H	4
Rajah 16	Analisis <i>Curent VSM</i>	4
Rajah 17	Analisa Nilai Semasa	5
Rajah 18	Sasaran Outcome Dan Impak	5
Rajah 19	Carta Perbatuan Kerangka Pembudayaan Dan Pemeriksaan Inovasi Melalui Horizon Baru KIK	6
Rajah 20	<i>Design Thinking</i>	6
Rajah 21	Teknik <i>Brainstorming</i>	7
Rajah 22	Teknik <i>SMART</i>	7
Rajah 23	Teknik <i>SCAMPER</i>	7
Rajah 24	Penyelesaian Prototaip	8
Rajah 25	Carta Alir Prototaip	8
Rajah 26	Grid Maklumbalas Persembahan Berterusan Ujilari 1	9
Rajah 27	Grid Maklumbalas Persembahan Berterusan Ujilari 2	10
Rajah 28	Analisa Inovasi	12
Rajah 29	Surat Perakuan Pengesahan Penggunaan eSLA	12
Rajah 30	Montaj Pelancaran eSLA	12
Rajah 31	Banner Kursus eSLA	12
Rajah 32	Analisa Matrix <i>LEAN</i>	13
Rajah 33	Analisa Penjimatan Kos	13
Rajah 34	Analisa Penjimatan Masa Proses Kerja	13
Rajah 35	Tahap Kepuasan Terhadap eSLA	13
Rajah 36	Peningkatan Produktiviti Proses Kerja	14

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 37	Skor Keseluruhan PK&K	14
Rajah 38	Akreditasi MQA	14
Rajah 39	Penaziran Akademik	14
Rajah 40	Impak	14
Rajah 41	Garis Panduan Penggunaan ICT Ke Arah ICT Hijau Dalam Perkhidmatan Awam	15
Rajah 42	Rangka Tindakan MyDIGITAL	15
Rajah 43	Surat Arahan Penyeragaman	15
Rajah 44	Buku Panduan Penggunaan eSLA	15
Rajah 45	Resit Pendaftaran MyIPO	15

DAFTAR LAMPIRAN

Lampiran 01:	Penglibatan Pihak Pengurusan
Lampiran 02:	Pemilihan Projek
Lampiran 03:	Analisa Nilai <i>Current</i>
Lampiran 04:	<i>8 Waste Of Lean</i>
Lampiran 05:	Carta Perbatuan
Lampiran 06:	Teknik <i>SCAMPER</i>
Lampiran 07:	Laporan Aktiviti
Lampiran 08:	Borang Pemantauan Aktiviti
Lampiran 09:	Portal Utama Pengurusan Aktiviti
Lampiran 10:	Carta Organisasi
Lampiran 11:	Pelaporan Aktiviti
Lampiran 12:	Analisa Aktiviti
Lampiran 13:	<i>Dashboard</i> Pada Telefon Pintar
Lampiran 14:	Capaian eSLA
Lampiran 15:	Perakuan Penggunaan
Lampiran 16:	Pelaksanaan Kursus eSLA Dan Maklumbalas
Lampiran 17:	Matrix LEAN
Lampiran 18:	Analisa Penjimatan Kos Perkakasan
Lampiran 19:	Penjimatan Masa Proses Kerja
Lampiran 20:	Kepuasan Pelanggan
Lampiran 21:	Peningkatan Produktiviti Penjimatan Proses Kerja
Lampiran 22:	Peningkatan Imej
Lampiran 23:	Faedah Sampingan
Lampiran 24:	PENA
Lampiran 25:	Impak
Lampiran 26:	Faedah Sampingan
Lampiran 27:	Tahap Ketersediaan Teknologi
Lampiran 28:	Bukti Bayaran MyIPO

1.0 PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM(PT) dirangka berlandaskan lima aspirasi iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Lonjakan 6 pemantapan tadbir urus adalah penting bagi kelancaran sesebuah organisasi dan pembinaan institusi yang ulung. Transformasi sistem pendidikan tinggi akan memberi manfaat dan hak secara kolektif, serta memberi peranan yang bersesuaian kepada setiap pihak berkepentingan. **Pengurusan tertinggi berperanan memberikan tumpuan kepada perkara utama melalui sistem pengurusan prestasi dan jaminan kualiti yang memberi tumpuan kepada keberhasilan (outcome), berbanding input dan proses.**

Perhimpunan bersama warga KKBBM telah dijadikan platform untuk Pengarah menekankan pembudayaan inovasi dan kreativiti dikalangan warga KKBBM. Penekanan juga kepada kepentingan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang menjajarkan penerimgunaan teknologi baharu seiring dengan transformasi digital Sektor Awam.


Komitmen pengurusan jelas bagi menyelesaikan perkara berbangkit merujuk Mesyuarat Pengurusan Bil 2/2020 bertarikh 15 Mei 2020 para 3.1. Pengarah memohon TPP mengambil tindakan perkara tersebut. Kumpulan KKBBM1 telah ditubuhkan pada 28 Julai 2020 diketuai oleh Timbalan Pengarah(Pengurusan) dan 7 orang ahli seperti lampiran 1. KKBBM1 telah mengemukakan permohonan kelulusan projek penambahbaikan proses penyediaan laporan aktiviti eSLA bagi kategori penambahbaikan kepada Pengarah dan mendapat kelulusan pada 19 Ogos 2021 seperti lampiran 1.



Rajah 1: Pengurusan Tertinggi KKBBM



Rajah 2: Petikan Ucapan Pengarah KKBBM Majlis Perjumpaan Staf KKBBM Bil 1/2021 Pada 29 Januari 2021



Rajah 3: Surat lantikan AJK KIK



Rajah 4: Surat kelulusan menjalankan projek

2.0 SIGNIFIKAN PROJEK DAN PEMBUKTIAN

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN

Projek yang dikendalikan oleh Kumpulan KKBBM1 ini sangat berkait rapat dengan visi jabatan menjadi peneraju institusi TVET yang unggul. Fungsi utama jabatan direalisasikan pada Pelan Tindakan KKBBM 2021-2025 pada Teras Strategik kedua dengan memantapkan governan yang responsif dan mampan. Penambahbaikan laporan aktiviti adalah bagi meningkatkan kualiti penyampaian, produktiviti dan kecekapan institusi.



Rajah 5: Visi & Misi



Rajah 6: Pelan Tindakan
KKBBM 2021-2025

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Projek e-SLA ini selaras dengan:

- i. Pelan Strategik JPPKK 2018 - 2025 Teras 2 Objektif Strategi A, Inisiatif A4 dan Inisiatif A5



Rajah 7: Teras 2 Objektif Strategi A, Inisiatif A4

- ii. KPI JPPKK Tahun 2021

KPI 9 - Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa dimana institusi perlu melaksanakan 103 aktiviti




Rajah 8: Pelan Strategik JPPKK 2018 – 2025



Rajah 9: KPI 2021 JPPKK

2.3 KAITAN DENGAN AGENDA NASIONAL

Hasil pembangunan projek e-SLA selari dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat(4IR) Negara dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.



Rajah 10: Dasar Revolusi Perindustrian Keempat(4IR) Negara



Rajah 11: Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Pandemik Covid-19 yang melanda negara menyebabkan laporan aktiviti yang dihantar secara manual kepada pegawai bertanggungjawab mengalami kelewatan. Dasar Bekerja Daripada Rumah (BDR) menyebabkan pegawai tidak dapat menghantar laporan pada masa yang ditetapkan. Melalui situasi yang berlaku, KKBBM1 yakin projek ini mampu meningkatkan kecekapan kerja. Kaedah yang digunakan sangat mudah diterapkan dan sangat efektif.



Rajah 12: Covid-19




Rajah 13: Dasar Bekerja Daripada Rumah(BDR)

2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

2.5.1 PEMILIHAN PROJEK(EMPATHY)


Projek dilaksanakan berdasarkan perkara - perkara berbangkit **Mesyuarat Pengurusan Bil 2/2020** bertarikh 15 Mei 2020 para 3.1 seperti **lampiran 2**.



Rajah 14: Minit Mesyuarat


2.5.2 MENJELASKAN MASALAH (DEFINE)

Analisis **5W1H** digunakan bagi menjelaskan masalah.



Rajah 15: Analisis 5W1H

Melalui analisis **5W1H**, kumpulan KKBBM1 menyenaraikan proses dan subproses kerja terdapat 6 proses utama dan 12 subproses kerja (lampiran 3). Analisis *Value Stream Mapping* (VSM) digunakan bagi menentukan proses operasi secara keseluruhan dan membantu untuk mengenal pasti secara terperinci sesuatu pembaziran.



Rajah 16: Analisis Curent VSM

Analisis *current VSM* mendapati *waiting time* sebanyak 347,400 saat dengan *process time* sebanyak 233,400 saat dan kecekapan proses (**PE-Process Efficiency**) dengan 40.25%. Dapatan PE kurang daripada 50% memerlukan kepada proses penambahbaikan.

Analisis pembaziran ditentukan dengan merujuk kepada 8 *waste of lean* (Lampiran 4). Analisis nilai dibuat bagi menentukan proses yang mempunyai nilai tambah atau pembaziran dengan menentukan VA, BVA dan NVA (Lampiran 3). Kaedah **ECRS** (**E**liminate, **C**ombine, **R**earrange, and **S**implify) digunakan bagi penambahbaikan yang signifikan dan tindakan pembaikan proses dan subproses kerja.



Rajah 17 : Analisa Nilai Semasa

2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Analisis VSM menunjukkan PE kurang daripada 50% penambahbaikan proses perlu dibuat bagi mengurangkan 50% *waiting time*.




Rajah 18: Sasaran outcome dan impak

3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN(IDEATE)

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF

Strategik pelaksanaan projek merujuk kepada carta perbatuan (lampiran 5).



Rajah 1 : Carta perbatuan kerangka pembudayaan dan pemerksaan inovasi melalui Horizon Baru

Punca masalah dan kaedah penyelesaian telah dibincangkan dan dianalisis secara terperinci melalui mesyuarat ,*brainstorming* dan sebagainya. Kaedah *Design Thinking* digunakan untuk penyelesaian projek.

DESIGN THINKING



EMPATHY

Perkara - perkara
berbangkit
Mesyuarat Pengurusan
Bil 2/2020 bertarik
15 Mei 2020 Para 3.1



DEFINE

- Analisis 5W1H
- Analisis Value Stream Mapping (VSM)



IDEATE

- Teknik *Brainstroimng*
- SMART
- Teknik SCAMPER



PROTOTYPE



TEST

Rajah 20 : Design Thinking

Penjanaan idea untuk menyelesaikan masalah menggunakan Teknik *Brainstorming* bagi mencadangkan beberapa tindakan penyelesaian.

BRAINSTORMING



Rajah 21: Teknik *Brainstorming*

SMART digunakan bagi menganalisis cadangan tindakan penyelesaian dan memilih tindakan penyelesaian yang terbaik

CADANGAN	S pecific	M easurable	A chievable	R elevant	T ime Bound	RESULT
Memaparkan senarai nama pegawai yang tidak menghantar laporan	Peringatan ✗	Bil laporan ✗	Laporan diterima ✓	Tindakan segera ✗	Setiap sukuan ✗	✗
Mengeluarkan memo maklumat penghantaran laporan	Peringatan ✗	Bil laporan ✗	Laporan diterima ✓	Tindakan segera ✓	Setiap sukuan ✗	✗
Mengisi dan menghantar laporan aktiviti menggunakan sistem	Kepakaran dalaman ✓	Bil laporan ✓	Laporan real-time ✓	Teknologi ✓	Real-time ✓	👍
Mencetak Borang Laporan Aktiviti dan diletakkan secara berpusat	Lantikan pegawai ✗	Kuantiti dicetak ✗	Laporan diterima ✗	Kos cetak ✗	Setiap bulan ✗	✗
Borang Laporan Aktiviti dimuat turun secara <i>online</i>	Kepakaran dalaman ✓	Bil laporan ✗	Laporan diterima ✗	Pegawai perlu cetak ✗	Setiap laporan ✗	✗
Mengadakan bengkel untuk menyiapkan laporan	Masa & Tarikh ✗	Kehadiran Pegawai ✗	Laporan diterima ✓	Ketidak hadir pegawai ✗	Setiap sukuan ✗	✗

Rajah 22: Teknik *SMART*

Teknik **SCAMPER** digunakan bagi memperincikan tindakan penyelesaian (lampiran 6).



Rajah 23: Teknik *SCAMPER*


3.2 PEMBINAAN CADANGAN PENYELESAIAN PROTOTAIP

3.2.1 Penyelesaian Prototaip



Rajah 24: Penyelesaian prototaip


3.2.2 Carta alir Prototaip




Rajah 25: Carta Alir Prototaip

Secara keseluruhan penyelesaian prototaip tiada **KOS digunakan**, sistem dibangunkan menggunakan **Open Source** dan menggunakan **kepakaran dalaman institusi**.

3.2.3 Penghasilan Rekabentuk




PROTOTAIP 1		UJILARI 1
INPUT		OUTPUT
1. Penyediaan Google Form – Borang Laporan Aktiviti /Program		i. Laporan Aktiviti (Lampiran 7)
Kandungan i. Nama Pegawai ii. Unit iii. Nama program iv. Tarikh v. Lokasi vi. Kategori vii. Ringkasan program viii. Gambar	Antaramuka Borang Laporan Aktiviti (Lampiran 7)	 ii. e-mail – laporan_aktiviti@kkbbm.onmicrosoft.com iii. Notifikasi Telegram – LapAkt@kkbbm – Peg. Pengesah

Grid Maklumbalas Persembahan Berterusan Ujilari 1




Rajah 26: Grid maklumbalas persembahan berterusan ujilari 1






PENAMBAHBAIKAN PROTOTAIP 1		
INPUT		OUTPUT
2.Penyediaan Google Form- Borang Pemantauan Aktiviti		i.Penjanaan Borang Pemantauan Aktiviti. (Lampiran 8)
Kandungan i. Tahun ii. Bulan iii. Nama pegawai iv. Jawatan v. Unit vi. Email vii. Tarikh rancang viii. Aktiviti ix. Status	Antaramuka Borang PemantauanAktiviti (Lampiran 8) 	 ii.email(Lampiran 8) a. laporan_aktiviti@kkbbm.onmicrosoft.com b.Pegawai Pengesah iii.Notifikasi telegram (Lampiran 8)
PROTOTAIP 2		UJILARI 2
INPUT		OUTPUT
Pembangunan antaramuka – Dashboard Portal Sistem Pengurusan Aktiviti menggunakan <i>Google Data Studio</i>		
i. Laman Utama	.Butang masukan data <ul style="list-style-type: none"> Daftar Aktiviti Daftar Pemantauan Pencapaian Aktiviti ii.Butang masukan ke laman berikut <ul style="list-style-type: none"> Carta Organisasi Pelaporan Aktiviti Analisis Aktiviti Panduan Pengguna ii.Hebahan Aktiviti iiiTakwim Kolej	Lampiran 9

	iv. Analisis Aktiviti (Cadangan penambahbaikan)	
ii. Laman Carta Organisasi	Maklumat Carta organisasi i. Pengurusan (Waran) ii. Unit Pembelajaran Akademik dan Pembelajaran Berterusan	Lampiran 10 
iii. Laman Pelaporan Aktiviti	Maklumat i. Laporan Aktiviti ii. Pemantauan Aktiviti iii. Pencapaian Aktiviti	Lampiran 11 
iv. Analisis Aktiviti	Maklumat i. Laporan pencapaian Aktiviti ii. Laporan Pemantauan Aktiviti	Lampiran 12 
Penambahbaikan Prototaip 2 Dicadangkan maklumat analisis dipaparkan pada laman utama .		

Grid Maklumbalas Persembahan Berterusan Ujilari 2



Rajah 27: Grid maklumbalas persembahan berterusan ujilari 2


PROTOTAIP 3		UJILARI 3
INPUT		OUTPUT
<i>Dashboard</i> pada telefon pintar (Lampiran 13)		
i.Penyediaan <i>icon</i> menggunakan	i.Portal Pengurusan Aktiviti ii.Daftar Aktiviti iii.Daftar Pemantauan iv.Pencapaian Aktiviti v.Hebahan Aktiviti vi.Analisis Aktiviti vii.Takwim viii.Panduan pengguna	
ii. menggunakan <i>Google Sites</i> - mencipta skrin pada <i>smartphone</i>	i.Menyusun icon pada <i>dashboard Google Sites</i> ii.Membuat hyperlink icon dengan Portal Sistem Pengurusan Aktiviti iii. <i>Preview</i> pada paparan <i>Smartphone</i> pada web. iv. <i>Publish</i>	
iii. <i>Create Apps</i> menggunakan <i>Thunkable</i>	i.memasukkan icon eSLA ii.membuat hyperlink kepada <i>Google Sites</i> iii. Public iv. <i>Create installer</i> APK - <i>android</i> dan <i>installer</i> - <i>Iphone</i>	
Capaian (Lampiran 14)		
<i>Install</i> pada telefon pintar	Scan QR-Code	Link: https://mylink.la/eaktivitikkbm
		
Maklumbalas yang dapat pengguna yang mengguna dan mengujilari berpuashati dengan inovasi		

3.2.4 Menganalisa Inovasi



Rajah 28: Analisa inovasi

3.3 Perakuan daripada pihak bertauliah (Lampiran 15).



Rajah 29 : Surat perakuan dan pengesahan penggunaan

3.4 Pelaksanaan Inovasi

i. Pelancaran eSLA Sistem Pengurusan Aktiviti pada 25 Jun 2021 Jumaat secara atas talian oleh Tuan Pengarah, Tn. Jamalluddin bin Mohd Ali.– Montaj Pelancaran

ii. Kursus Tatacara Penggunaan eSLA telah diadakan 28 Jun 2021 secara atas talian oleh Pn Tuty Farhida Binti Sajat Pembangun Sistem .(Lampiran 16)



Rajah 30: Montaj pelancaran eSLA



Rajah 31: Banner kursus eSLA

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 Pencapaian outcome projek kepada organisasi

Berdasarkan Matrix LEAN (Lampiran 17)

Bil	Tajuk Projek	Matrik Lean	Pencapaian		%Peningkatan
			Sebelum	Selepas	
1	Penambahbaikan proses penyediaan laporan aktiviti	Lead Time	580,800s	480s	99.92%
		Processing Time	233,400s	480 s	99.79%
		Waiting Time	347,400s	0 S	100.00%
		Activity Ratio (PE)	40.2%	100%	59.80%
		Process Steps	6	2	66.67%

Rajah 32: Analisa Matrix LEAN

4.1.1 Penjimatan kos perkakasan


Penilaian ke atas analisa kos menunjukkan perlaksanaan aplikasi eSLA membawa kepada penjimatan kos sebanyak RM5311.80 dengan peratus penjimatan kos 76.10%. Pengesahan data diperolehi daripada Unit Kewangan ,Kolej Komuniti Bukit Beruang , Melaka.(Lampiran 18)



Rajah 33: Analisa penjimatan kos

4.1.2 Penjimatan Masa Proses Kerja

Berdasarkan penilaian Matrik Lean Processing Time selepas menggunakan eSLA ialah 480s. Peratus peningkatan ialah 99.79%.(Lampiran 19)



Rajah 34: Analisa penjimatan masa proses kerja

4.1.3 Peningkatan Kepuasan Pelanggan

Tahap kepuasan terhadap 21 orang pegawai yang menghantar laporan aktiviti..Dapatan maklumbalas soal selidik mendapati 100% bersetuju bahawa perlaksanaan eSLA dapat menghasilkan sistem penyampaian yang lebih cekap, cepat, mudah dan mesra pengguna. (Lampiran 20)



Rajah 35: Tahap kepuasan terhadap eSLA

4.1.4 Peningkatan produktiviti

Pengurangan proses dan subproses kerja sebelum merujuk kepada Matrik Lean iaitu 6 proses kepada 2 proses iaitu **66.67%**.
(Lampiran 21)




Rajah 36: Peningkatan produktiviti proses kerja

4.1.5 Peningkatan Imej Organisasi



Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan .5 instrumen institusi memperoleh **88.45%**.
(lampiran 22)



Rajah 37: Skor keseluruhan PK&K

4.1.6 Faedah sampingan

i. Pengiktirafan Akreditasi MQA bagi program pengajian Sijil Operasi Perhotelan dan Sijil Kulinari. (Lampiran 23)



Rajah 38: Akreditasi MQA

ii. Penaziran Akademik. (Lampiran 24)



Rajah 39: Penaziran Akademik

4.2 Impak Projek (Lampiran 25)

PENINGKATAN TARAF KESIHATAN

Pendigitalan mengekalkan kesihatan rakyat dengan memutuskan rantai covid -19 di tempat kerja

PENINGKATAN IMEJ ORGANISASI

Menjajarkan strategi pelaksanaan pendigitalan agensi dengan agenda pendigitalan Sektor Awam.

PENINGKATAN TARAF KESELAMATAN

Dasar Perkongsian Data Sektor Awam melibatkan kawalan data (*cloud storage*) –institusi menggunakan **MYREN**.

PENINGKATAN TARAF PENDIDIKAN

MyDIGITAL –T1 Memacu transformasi digital sektor awam
S3: Meningkatkan set kemahiran digital penjawat awam

Rajah 40: Impak

4.2.1 Faedah sampingan (luar jangka)

- i. Pendigitalan mengekalkan ekosistem teknologi hijau – *Paperless*. (Lampiran 26)



Rajah 41: Garis Panduan Penggunaan ICT Ke Arah ICT Hijau dalam Perkhidmatan Awam

- ii. Pendigitalan memperkasakan bakat berkaitan ICT yang berkemahiran. (Lampiran 26)



Rajah 42: Rangka Tindakan MyDIGITAL

5 POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI


5.1 Tahap ketersediaan teknologi

- i. Arahan penyeragaman daripada Pengarah berkuatkuasa **29 Jun 2021** penggunaan eSLA dalam penyediaan laporan aktiviti. (Lampiran 27)



Rajah 43: Surat arahan penyeragaman


- ii. Hebahan buku Garis Buku Panduan Sistem Pengurusan Aktiviti eSLA Edisi 1. e-ISBN 978-967-16553-5-1 (Lampiran 27)



Rajah 44: Buku Panduan Penggunaan eSLA

5.2 Tahap replikasi atau pengkomersialan

- i. No pendaftaran MyIPO **LY2021M03293** (Lampiran 28)




Rajah 45: Resit pendaftaran MyIPO

RUJUKAN

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) :
<https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pppm-2015-2025-pt/103-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi/file>
2. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 :
https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/09/Final_Slaid-Dokumen-PSPSA-2021-2025-RE.pdf
3. Pelan Tindakan Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka 2021-2025
4. Pelan Strategik JPPKK 2018 – 2025 :
<https://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/penerbitan/send/2-penerbitan/5-psjppkk>
5. KPI JPPKK Tahun 2021 : <http://www.pjk.edu.my/download/KamusKPI2021.pdf>
6. Dasar Revolusi Perindustrian Keempat(4IR) Negara :
<https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-08/Dasar-4IR-Negara.pdf>
7. Dasar Bekerja Daripada Rumah(BDR) :
<https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2020/pp052020.pdf>
8. Garis Panduan Penggunaan ICT Ke Arah ICT Hijau dalam Perkhidmatan Awam :
https://www.parlimen.gov.my/intranet/resources/docs/pekeliling/Taklimat%201_%20Green%20ICT%20-%20Perkhidmatan%20Awam%2030122010.pdf
9. Rangka Tindakan MyDIGITAL : <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>

PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN



Surat Pelantikan Sebagai Ahli KIK
Tarikh 28 Julai 2020
Ruj Kami KKBB/100-4/1Jld.5(18)



Surat Kelulusan Melaksanakan Projek
Tarikh 19 Ogos 2020
Ruj Kami KKBB/100-24/2(19)

Pengenalan Kumpulan

FASILITATOR: Ts. MOHD JALIL BIN AHMAD

TARIKH DITUBUHKAN : 28 JULAI 2020

NAMA KUMPULAN : KKBBM 1

BIL AHLI : 8 ORANG
KETUA : TUTY FARIHA BINTI SAJAT

MOTO : BERINOVASI, KREATIF, PROAKTIF

Ahli Kumpulan

BUDI IRWAN
BIN JAHAYA

MOHD SHAFIEE
BIN SAMURI

HASLAN BIN
AZIS

TS. MOHD JALIL BIN AHMAD

TUTY FARIHA BINTI SAJAT

NORHAYATI
BINTI ALI

NAZELIRA A
RAHIM

FARRANA
OTHMAN

TAN PEY PEY

KUMPULAN KKBBM 1

PEMILIHAN PROJEK

<p style="text-align: center;">MINIT MESYUARAT PENGURUSAN KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG</p> <hr/> <p>BIL. MESYUARAT : BIL.2 TAHUN 2020 TARIKH : 15 Mei 2020 MASA : 09.00 pagi TEMPAT : Bilik Persidangan, KKBBM</p> <hr/> <p>HADIR</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Jamalluddin Bin Mohd Ali (Pengarah KKBBM) Pengerusi 2. Puan Tuty Farhida Bin Sajat (Timbalan Pengarah Pengurusan) 3. Encik Mohd Jalil Bin Ahmad (Timbalan Pengarah Akademik) 4. Encik Mohd Iskandar Bin Mohd Yatim (Pegawai Pembangunan Pelajar) 5. Puan Noor Suhaina Binti Abd Aziz (Pegawai Pengambilan Pelajar) 6. Encik Muhd Abu Bakar Bin Mohd Radzi (Pegawai Perhubungan Industri Dan Alumni) 7. Encik Nomizam Bin Mohtar (Pegawai Penerangan) 8. Encik Muhammad Khair Bin Mat Idris (Ketua Program Fesyen dan Pakaian) 9. Encik Kamaludin Bin Md Kassim (Ketua Program Servis Kenderaan Ringan) 10. Puan Norfadzliyah Bin Mohamad Yatim (Ketua Program Teknologi Elektrik) 11. Encik Mohd Farid Bin Yusof (Ketua Program Kuliner) 12. Encik Anwar Bin Jaafar (Ketua Program Operasi Perhotelan) <p style="text-align: right;">1 </p>	<p>1.11 Ucapan Penghargaan Kepada Warga KKBBM</p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada pegawai kolej yang turut serta menjadi sukarelawan dalam membantu rakyat Malaysia menangani wabak covid-19 iaitu dengan membantu dalam pembuatan Face Sheild, PPE, memberi bantuan makanan kepada pelajar, dan memandu rakyat Malaysia yang terkandas akibat PKP.</p> <p style="text-align: right;">MAKLUMAN</p> <p>1.12 Cuti Aidilfitri 2020</p> <p>Pengerusi memaklumkan semua Pegawai di sarankan untuk mengambil cuti rehat hari raya semasa PKP supaya tiada isu berbangkit tentang pegawai yang menyalahgunakan kelebihan Bekerja Dari Rumah untuk bercuti Hari Raya.</p> <p style="text-align: right;">MAKLUMAN</p> <p>2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</p> <p>Minit Mesyuarat Pengurusan Suku pertama Bil. 1 tahun 2020 telah disahkan oleh Encik Iskandar Bin Mohd Yatim dan disokong oleh Puan Noor Suhaina Binti Abd Aziz.</p> <p>3. PERKARA - PERKARA BERBANGKIT</p> <p>3.1 Arahan Penyediaan Laporan Tahunan Institusi bagi Tahun 2019</p> <p>Pegawai penerangan memaklumkan semua unit telah menghantar laporan aktiviti untuk Buku Laporan Tahunan 2019, namun proses menyiapkannya masih tidak dapat dilaksanakan kerana masalah server utama belum pulih, di mana semua laporan aktiviti disimpan di dalam server utama.</p> <p>Maklumbalas Pengerusi:</p> <p>Pengerusi memohon untuk melakukan pembaikan semula server umum dan menyelesaikan masalah ini secepat mungkin.</p> <p style="text-align: right;">TINDAKAN: PPTM</p> <p style="text-align: right;">6 </p>
---	--

<p>5 LAPORAN EKSA -Tiada-</p> <p>6 LAPORAN TINDAKAN TATATERTIB -Tiada-</p> <p>7 HAL LAIN-LAIN -Tiada-</p> <p>8 PENANGGUHAN MESYUARAT Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.45 tengah hari.</p> <p>Disediakan Oleh :  (MUHAMMAD HANIF AZMIR BIN HAMDAN) Setiausaha Mesyuarat pengurusan Kolej Komuniti Bukit Beruang Tarikh : 20/5/2020</p> <p>Disahkan Oleh :  (JAMALLUDDIN BIN MOHD ALI) Pengerusi Mesyuarat pengurusan Kolej Komuniti Bukit Beruang Tarikh : 20/5/2020</p>	<p>Disemak Oleh :  (TUTY FARIHA BINTI SAJAT) Timbalan Pengarah Pengurusan Kolej Komuniti Bukit Beruang Tarikh : 20/5/2020</p> <p style="text-align: right;">33 </p>
---	---

Mesyuarat Pengurusan Bil 2/2020
 Tarih 15 Mei 2020
 Para 3.1

ANALISA NILAI CURRENT

LANGKAH	DISKRIPSI	ANALISIS NILAI		
		VA	BVA	NVA
PROSES 1 : MEMOHON MAKLUMAT				
1	Telegram dalam staff kkbm		/	
PROSES 2 : MENYEDIAKAN MAKLUMAT				
2	Memaklumkan pegawai menghantar maklumat	/		
3	Mengumpul maklumat laporan dalam bentuk <i>microsofts word</i>	/		
4	Mengumpulkan maklumat <i>facebook</i>	/		
5	Mengumpulkan maklumat <i>instagram</i>	/		
6	Mengumpulkan maklumat gambar (<i>jpeg</i>)	/		
PROSES 3 : MENERIMA MAKLUMAT				
7	Membuka folder umum - 'laporan aktiviti'			/
8	Menyemak maklumat yang dihantar oleh pegawai berkenaan	/		
PROSES 4 : MENYEDIA LAPORAN				
9	Menyediakan laporan setiap aktiviti yang diterima mengikut format yang disediakan			/
PROSES 5 : MEMOHON KELULUSAN DAN MENGHANTAR LAPORAN				
10	Menghantar ringkasan laporan menggunakan telegram untuk kelulusan	/		
11	Menyemak dan mendapatkan kelulusan (serahan softcopy)		/	
PROSES 6 : MENCETAK LAPORAN				
12	Mencetak laporan dan mengfailkan			/
JUMLAH		7	2	3


8 WASTE OF LEAN

8 Wastes

The 8 Wastes are eight types of process obstacles that get in the way of providing value to the customer.

 <p>Defects Efforts caused by rework, scrap, and incorrect information.</p>	 <p>Overproduction Production that is more than needed or before it is needed.</p>	 <p>Waiting Wasted time waiting for the next step in a process.</p>	 <p>Non-Utilized Talent Underutilizing people's talents, skills & knowledge.</p>
 <p>Transportation Unnecessary movements of products & materials.</p>	 <p>Inventory Excess products and materials not being processed.</p>	 <p>Motion Unnecessary movements by people (e.g., walking).</p>	 <p>Extra-Processing More work or higher quality than is required by the customer.</p>

PERINCIAN TEKNIK SCAMPER		
KOMPONEN	KETERANGAN	CONTOH
Substitute	idea untuk menukar atau menambahbaik proses kerja sediaada.	Membangunkan sistem yang boleh menjana laporan aktiviti.
Combine	mengabungkan beberapa proses kerja bagi penjimatan masa dan penambahbaikan proses kerja.	Proses kerja diubah kepada menggunakan sistem seperti Google Form , Google Sheet dan Google Data Studio.
Adapt re-shape/ tuneup	Disesuaikan dengan keadaan persekitaran dan keperluan semasa selaras dengan Pelan Tindakan KKBBM dan Pelan Startegik JPPKK.	Sesuaikan format laporan berdasarkan keperluan.
Modify/Magnify	Mengubahsuai idea penyelesaian yang sediaada & akan dibangunkan.	Mengubah penggunaan kertas dalam penyediaan laporan kepada digital dan disimpan melalui <i>cloud</i> .
Put in other use/ expand	Projek berpotensi untuk diperkembangkan fungsinya kepada proses kerja yang lain.	Boleh diadaptasi untuk proses kerja lain.
Eliminate/ Simplify/ minimize	Menghapuskan proses kerja yang berulang dan menyeragamkan proses kerja untuk menyelesaikan masalah yang paling penting.	Penyeragaman pelaporan secara digital dengan output 1 helai sahaja laporan dan notifikasi dihantar kepada pegawai pengesahan.
